

Data raya tambah baik pengeluaran

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) dan Wageningen University, Belanda baru-baru ini bekerjasama menganjurkan Persidangan Antarabangsa Aplikasi Data Raya Dalam Pertanian (ICBAA) 2017 bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan berasaskan maklumat yang menawarkan penyelesaian kepada masalah hakiki pengeluaran tanaman.

Persidangan tersebut membincangkan hal-hal berkaitan pengumpulan, pengurusan dan teknik analitikal data menggunakan pelbagai perisian serta kaedah permodelan dan bioinformatik.

Persidangan dua hari itu yang bertemakan *Dari Nurseri ke Lapangan* memberi fokus kepada aplikasi data raya (*big data*) dalam penambahbaikan dan pengurusan tanaman.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau ketika merasmikannya berkata, tema persidangan itu sendiri sudah menggambarkan perlunya penerokaan revolusi digital bermula dari penanaman benih di tapak semeaian sehinggalah kepada pemantauan dan pengurusan tanaman di ladang.

Katanya, pelbagai maklumat termasuk yang kompleks yang diperolehi daripada *big data* akan memberi faedah kepada petani, pembekal, pemilik ladang, pengilangan produk, pemasaran serta semua yang terlibat dalam

rantai pengeluaran.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan buku bertajuk *Penambahbaikan Tanaman: Kemapanan melalui Teknologi Terkini* yang diterbitkan penerbit antarabangsa Springer.

Turut hadir bekas Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Datuk Husaini Omar; Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Pengarah Institut Kajian Perladangan UPM, Prof. Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur ICBAA2017.

MOSTI sebagai kementerian yang menerajui agenda membangunkan sains, teknologi dan inovasi (STI) akan terus mempergiat usaha memacu pembangunan ekonomi negara dengan memberi tumpuan kepada Internet Kebendaan (IoT), data raya, kepintaran buatan (AI) dan seumpamanya bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Ini kerana MOSTI berpendapat hasil inovasi yang mampu menyelesaikan masalah industri atau masalah komuniti hendaklah diperluas penggunaannya agar semua pihak boleh menikmatinya.

Ia sejajar dua subjek tema utama aspirasi TN50 iaitu sebagai peneraju idea pelbagai bentuk ekonomi terkini dan masyarakat yang saling terangkai, inovatif juga teradaptasi kepada teknologi baharu.



DR. SITI NOR AKMAR ABDULLAH menyampaikan senaskhah buku sebagai cenderamata kepada Madius Tangau. Turut hadir Husaini Omar.